

27 JUL 2004

LID 2004-Telekom

PENAJA UTAMA LID, TELEKOM MALAYSIA YAKIN MANFAAT DIALOG

LANGKAWI, 27 Julai (Bernama) -- Telekom Malaysia, penaja utama Dialog Antarabangsa Langkawi buat kali ke-enam berturut-turut, hari ini melahirkan keyakinan acara itu pasti bermanfaat untuk Kerajaan, negara-negara serta semua pihak yang mengambil bahagian.

"Bagi Telekom Malaysia ia merupakan satu peluang terbaik untuk bertukar-tukar idea, membina hubungan di peringkat atasan kerana dialog ini mengumpulkan individu-individu yang mempunyai hala tuju yang sama," kata dalam satu kenyataan menjelang dialog tiga hari itu yang bermula di sini Khamis ini.

Bagi LID 2004, syarikat telekomunikasi itu menaja RM1.5 juta dalam bentuk tunai manakala RM500,000 lagi berupa kemudahan teknikal dan komunikasi termasuk perkhidmatan akses internet, telefon, faksimili, telefon mudah alih dan perkhidmatan jalur lebar.

Telekom Malaysia menyifatkan penajaan itu, yang ditandatangani dengan penganjur bersama, Kumpulan Industri-Kerajaan Malaysia bagi Teknologi Tinggi (MiGHT), adalah tepat pada masanya kerana ia memanfaatkan kedua-dua pihak.

"Jalinan kerjasama itu diharap dapat mencapai objektif dialog dwitahunan itu termasuk menggalakkan perkongsian pintar merentasi negara, bangsa dan sektor kerajaan, industri dan sosial selain berkongsi pengalaman dan ilmu yang diperolehi daripada perspektif pengetahuan geo-politik, ekonomi dan teknologi," katanya.

Ia juga diharap dapat mencapai objektif bagi meneroka kegunaan sumber yang boleh memanfaatkan dan meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat antarabangsa dalam perkongsian pintar, katanya lagi.

LID 2004 yang bertemakan "Ke arah Dunia Lebih Pintar - Menyatukan Cabaran Pembangunan dengan Keselamatan Dunia Menerusi Dialog" antara lain akan membincangkan isu-isu kemiskinan, sosial dan ekonomi.

Ia akan berlangsung selama tiga hari di Pelangi Beach Resort &

Spa di
sini mulai Khamis ini. Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad
Badawi
adalah penaung dan penasihat LID 2004, iaitu sebahagian daripada
Dialog
Antarabangsa mengenai siri Perkongsian Pintar.

Siri dialog yang dimulakan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir
Mohamad pada 1995 itu dijangka dihadiri kira-kira 800 peserta
termasuk
ketua-ketua negara dan kerajaan, pegawai kanan, ahli perniagaan
terkemuka,
wakil kesatuan sekerja, ahli akademik, media dan kumpulan
berkepentingan.

-- BERNAMA

NHD ZS ZK